

Warisan undang-undang tidak ternilai

Ukm - 2/6/2007

Oleh **NOR ZAINAH NORDIN**
(WARTAWAN UTUSAN)

TAN Sri Abdul Malek Ahmad kembali ke rahmatullah pada pukul 11.10 malam kelmarin, meninggalkan kaum keluarga dan sahabat handai serta rakan setugas yang sentiasa mengingati beliau sebagai seorang yang mesra, bijak, cerdas pemikiran dan berpengetahuan luas.

Sekiranya masih ada umur, Abdul Malek yang dilahirkan di Singapura bakal menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke-63 pada 28 Julai ini, namun Allah lebih menyayangi beliau dan mengambilnya untuk bersemadi di alam barzakh.

Beliau kembali menemui Ilahi setelah hampir setahun bertarung dengan penderitaan akibat ketumbuhan dalam otak yang disedari beliau selepas menjalani imbasan MRI atas desakan keluarganya yang mahu mendapat kepastian punca sebenar sakit kepala berpanjangan yang menyerang Allahyarham.

Memulakan tugas pertama sebagai Majistret di Kuala Lumpur pada 1 Februari 1966, Abdul Malek dilantik menjadi Presiden Mahkamah Rayuan, jawatan kedua tertinggi dalam badan kehakiman negara, pada 12 Julai 2004 dengan membawa 28 tahun pengalaman dalam bidang perundangan dan kehakiman.

Dikenali sebagai individu yang mudah tersenyum dan ketawa, keperibadian Abdul Malek sebagai hakim yang mendengar kes sama ada sivil atau jenayah

tidak pernah disangkal kerana beliau sentiasa sabar, tenang dan tegas dalam melaksanakan tugas beliau.

Peguam terkemuka Karpal Singh yang sering hadir berhujah kes-kes yang sukar di hadapan Abdul Malek, mengingati beliau sebagai seorang hakim yang sentiasa membuat keputusan dan mengeluarkan alasan penghakiman yang kekal dipegang sebagai "authority" bagi kes-kes seumpamanya yang terkemudian.

Secara peribadi Karpal mengingati Abdul Malek sebagai seorang yang sangat mesra, mudah membuat kawan dan sabar ketika mendengar kes-kes di hadapannya.

"Ia adalah satu kehilangan besar kepada dunia perundangan dan kehakiman. Beliau adalah hakim terbaik di negara ini," katanya.

Datuk Muhammad Shafee Abdullah, peguam yang diarah menjawab dakwaan menghina Mahkamah Rayuan apabila menulis surat kepada Abdul Malek untuk mendapat panel hakim berbeza bagi mendengar kes Metramac, mengingati hakim itu sebagai seorang yang penuh integriti.

Bagi Muhammad Shafee, Hakim Abdul Malek yang dikenalnya sebagai rakan setugas kanan di Jabatan Peguam Negara adalah seorang yang tidak pernah mem-



ABDUL MALEK AHMAD

bezakan pangkat dalam memilih kawan, mudah tersenyum dan suka ketawa.

Bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul Kadir Sulaiman yang menganggap Abdul Malek sebagai saudaranya, mengingati beliau sebagai seorang hakim berpengetahuan luas yang berpegang teguh pada landasan undang-undang dalam memberi keputusannya.

Bagi beliau, Abdul Malek yang melayan mesra setiap orang yang dikenalnya, adalah hakim yang berani dan jujur dalam membuat keputusan walaupun sedar ia (keputusan itu) tidak disenangi oleh segelintir pihak.

Contohnya, kes pelajar berserban, Minor Atiqulrahman Ishak yang dibuang sekolah kerana enggan mematuhi arahan supaya tidak memakai serban ketika di sekolah. Abdul Malek yang mengetuai panel hakim yang memutuskan kes itu, telah bersetuju dengan alasan penghakiman Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul Hamid Mohamad.

Begitu juga dengan keputusan Mahkamah Persekutuan yang menolak saman bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menuntut ganti rugi RM100 juta daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad

kerana didakwa memfitnahnya.

Namun, tidak ramai yang tahu Abdul Malek merupakan insan seni yang pernah mengubah lagu, ada di antaranya pernah dirakam dan dinyanyikan oleh penyanyi terkemuka Allahyarham Sudirman Haji Arshad dan Sanisah Huri.

Ketika mengingati hobi bosnya, bekas pegawai khas Allahyarham, Ishak Bakri yang kini Hakim Mahkamah Sesyen Temerloh berkata, Allahyarham berjiwa halus, lembut dan penyayang; suka bermain piano dan mengubah lagu dan menghantar lagu gubahan menggunakan nama samaran ke syarikat rakaman.

Sepanjang dua tahun bertugas dengan Abdul Malek, Ishak berkata, Allahyarham sangat serius dalam melaksanakan tugasnya yang dilakukan secara pantas dan menepati masa yang ditetapkan; kepintaran beliau menjadikan kerja yang patut dilakukan dalam setengah jam dapat disiapkan dalam masa 10 minit.

Begitulah peribadi Yang Arif Hakim Abdul Malek Ahmad yang tiada tolok bandingnya, dalam pekerjaan mahupun sebagai rakan dan ketua. Beliau meninggalkan warisan yang tak ternilai dalam bentuk autoriti undang-undang yang akan kekal diikuti oleh komuniti perundangan dan kehakiman.

Selamat bersemadi Yang Arif, hanya Al-Fatihah dan doa tulus mengiringi perjalanan yang paling jauh ini. Semoga cahaya keredhaan dan rahmat menemani beliau. Al-Fatihah.